



ILMU...Abdul Jalil (tengah) bersama pelajar dan guru yang mengikuti program.

160 murid sertai motivasi

Netro (selengkap) Sabtu 2/11/11 nsgj

KUANTAN: Seramai 160 murid tahun enam Sekolah Kebangsaan (SK) Pengkalan Tentera Kem Batu 10, dekat sini, menyertai kem motivasi jaya diri anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai persiapan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Program dikendali pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) universiti berkenaan bagi merangsang pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan

an itu.

Dekan PBMSK, Profesor Abdul Jalil Borhan berkata, program yang dikendalikan pensyarah pusat itu, Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Norihan Sulan bertujuan memupuk kesedaran kepada murid mencatat kejayaan dalam peperiksaan.

“Program ini mendedahkan murid dengan suasana pembelajaran berkesan selain membina masa depan yang lebih cemerlang.

“Ia bersesuaian dengan usaha membina modal insan cemerlang dan seimbang,” katanya.